

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 2/2002**

#### **KEISTIMEWAAN BAGI PEMAJU-PEMAJU YANG MENYERTAI EXPO HARTANAH MALAYSIA PERINGKAT NEGERI KELANTAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 5 Jun 2002 setelah menimbang Kertas 12/66/2002(34) dan telah membuat keputusan bersetuju untuk memberi keistimewaan kepada pemaju-pemaju yang menyertai EXPO Hartanah Malaysia peringkat Negeri Kelantan.

2. Keistimewaan-keistimewaan ini diberikan setiap tahun kepada syarikat-syarikat yang menyertai Expo Hartanah Malaysia (MAPEX) peringkat Negeri Kelantan yang diadakan oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia Cawangan Negeri Kelantan dengan kerjasama kerajaan Negeri Kelantan.
3. Keistimewaan-keistimewaan yang diberikan adalah seperti berikut:-
  - 3.1 Keistimewaan hanya diberikan kepada syarikat-syarikat pemaju perumahan dan juga kepada pembeli-pembeli rumah yang menyertai kempen yang diadakan setiap tahun. Sijil penyertaan seperti lampiran akan diberikan kepada syarikat-syarikat berkenaan yang layak.

- 3.2 Untuk mendapat keistimewaan yang akan diberikan pada tahun 2002 semua dokumen hendaklah diserahkan untuk urusan pendaftaran sebelum 25hb. November 2002. Bagi tahun-tahun akan datang keistimewaan diberikan dalam tempoh 6 bulan selepas kempen Peringkat Negeri diadakan.
  - 3.3 Pengecualian bayaran pendaftaran pindahmilik hanyalah bagi pendaftaran pindahmilik pertama sahaja.
  - 3.4 Pengecualian bayaran pendaftaran gadaian hanyalah bagi gadaian pertama sahaja.
  - 3.5 Orang Melayu Bukan Anak Kelantan dibenarkan membeli rumah tanpa kelulusan EXCO jika memenuhi syarat berikut :-
    - a) Beristeri @ Bersuami dengan orang peranakan Kelantan
    - b) Bekerja dengan Kerajaan atau agensi Kerajaan di Kelantan.
    - c) Mempunyai pertalian mengikut waris terdekat sebagaimana Pek. PTG. 4/94 dengan seorang Peranakan Kelantan.
    - d) Bayaran Sijil Kebenaran pindahmilik tanah dibawah Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 tidak dikecualikan.
4. Pentadbir – Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mematuhi syarat-syarat di para 3 di atas dan setiap permohonan pendaftaran pindahmilik yang diterima daripada Syarikat-Syarikat Pemaju Perumahan hendaklah disertakan dengan salinan sah sijil penyertaan.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta. Pekeliling PTG. 1/2002 dibatalkan dan Pentadbir-Pentadbir Tanah diminta melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan sebagaimana yang tersebut diatas.

**t.t**

**(Abdul Halim Bin Hj.Ahmad)  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.**

**KEPADA:**

Yang Amat Bahagia/Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Negeri,  
Kelantan.

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YBM. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL : PTG. KN. 6575 JLD.2 (12)  
Bertarikh : 18 JULAI 2002**

**LAMPIRAN**

**SIJIL PESERTA  
EXPO HARTANAH MALAYSIA (MAPEX)**

.....

Adalah disahkan bahawa .....

Telah menyertai Expo Hartanah MAPEX peringkat Negeri Kelantan

Pada : .....

Maklumat Projek : .....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

KETUA PENOLONG SETIAUSAHA  
(PERUMAHAN)

Bertarikh : .....